



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN NADMA BERSAMA MEMBUDAYAKAN KEMPEN NORMA BAHARU

**SHAH ALAM, SELANGOR** – Majlis Penyerahan Bahan Kempen Pembudayaan Norma Baharu kepada wakil syarikat konsesi lebuhraya dan peniaga-peniaga di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Awan Besar di Lebuhraya Shah Alam (KESAS) telah berlangsung hari ini.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim telah menyerahkan bahan kempen terdiri daripada gegantungan dan sepanduk pembudayaan norma baharu kepada Ketua Pengarah LLM YBhg. Dato' Ir. Mohd Suhaimi Bin Hassan dengan disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan. Hadir sama adalah Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), YB. Datuk Abdul Rashid Bin Asari.

Majlis ini bertujuan mempromosikan Kempen Pembudayaan Norma Baharu di kawasan R&R bagi lebuhraya di seluruh Malaysia. Kempen ini memfokuskan untuk memberi kesedaran, peringatan dan pendidikan mengenai amalan pematuhan prosedur standard operasi (SOP) norma baharu kepada masyarakat khususnya pengguna lebuhraya.

Perkara ini penting, selaras dengan keputusan Kerajaan membenarkan rakyat untuk merentas negeri dan daerah. Bilangan pengguna yang menggunakan lebuhraya dan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dijangka meningkat. Justeru, Kementerian Kerja Raya (KKR) bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk terus menyebarkan kesedaran pembudayaan norma baharu kepada pengguna lebuhraya. Kempen ini juga sebagai menyokong Kempen Pembudayaan Norma Baharu yang telah dilancarkan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 8 Ogos 2020 yang lalu.

Selain daripada program hari ini, Kementerian Kerja Raya turut telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut :



- i. Kempen Pembudayaan Norma Baharu melalui paparan iklan elektronik dan iklan parapet di Jalan Persekutuan dan seluruh lebuhraya yang berkaitan;

---

Dikeluarkan oleh

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | [Pro@kkr.gov.my](mailto:Pro@kkr.gov.my)

- ii. Kempen Pembudayaan Norma Baharu melalui paparan elektronik (VMS) di seluruh Lebuhraya di bawah LLM;
- iii. Majlis Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Restoran Jejantas Sungai Buloh, Lebuhraya Utara Selatan;
- iv. Edaran poster Kempen Pembudayaan Norma Baharu kepada Syarikat Konsesi Lebuhraya;
- v. Kempen Pembudayaan Norma Baharu kepada kakitangan KKR dan Agensi; dan
- vi. Perkongsian maklumat dan infografik pembudayaan norma baharu di rangkaian media sosial rasmi Kementerian dan agensi.

Beberapa langkah juga telah diambil oleh pihak LLM bagi persediaan musim cuti perayaan. Antaranya seperti menasihatkan semua pengguna lebuhraya agar merancang perjalanan lebih awal dan memastikan kad Touch n' Go dan e-Wallet mempunyai baki yang mencukupi untuk mengurangkan kesesakan di kaunter tambah nilai plaza tol.

Selain itu, semua syarikat konsesi diseru untuk terus memastikan pematuhan SOP dipertingkatkan di kawasan R&R sepanjang lebuhraya dengan pemakaian pelitup muka, amalan penjarakan fizikal dan kebersihan diri di kalangan pengguna lebuhraya dan para peniaga.



**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**17 DISEMBER 2020**

---

Dikeluarkan oleh

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | Pro@kkr.gov.my